

30/06/2001

MIC rancang bina Kolej Siber di Tambun

IPOH, Jumaat - MIC merancang membina sebuah Kolej Siber di kawasan seluas lapan hektar di Tambun, dekat sini, bagi melatih anak tempatan dalam bidang kejuruteraan perisian dan teknologi maklumat (IT).

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau sedang meneruskan perbincangan dengan Kerajaan India bagi menubuhkan kolej itu selepas Kerajaan Perak meluluskan tapak berkenaan.

"Ketika lawatan Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee baru-baru ini saya berbincang dengannya dan Kerajaan India bersetuju memberi latihan serta menyediakan tenaga pakar bagi melatih anak tempatan dalam bidang kejuruteraan perisian," katanya di sini, hari ini.

Beliau berucap pada majlis Dialog Pemimpin MIC bersama Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali di kediaman Menteri Besar di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Samy Vellu turut menyerahkan laporan mengenai masalah setingan India di Perak kepada Tajol Rosli.

Pada sebelah petang, beliau mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC di tempat sama.

Mesyuarat CWC itu turut mencatat sejarah kerana pertama kali diadakan di luar Kuala Lumpur dan di kediaman menteri besar.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, MIC bercadang membina Pusat Konvensyen di bandar raya itu yang menempatkan ibu pejabat MIC negeri serta digunakan untuk pelbagai persidangan lain.

Katanya, bangunan yang dicadangkan itu mempunyai keupayaan memuatkan antara 2,000 hingga 2,500 orang pada satu-satu masa.

Mengenai masalah setingan India di Perak, Samy Vellu berharap kerajaan negeri dapat menyelesaikan masalah itu setelah laporan dikemukakan kepada kerajaan negeri.

Sementara itu, difahamkan mesyuarat CWC petang tadi turut membincangkan masalah pergaduhan di Kampung Medan, Petaling Jaya. Samy Vellu gagal ditemui bagi mendapatkan butiran lanjut.

Bagaimanapun, Naib Presiden MIC, Datuk S Veerasinggam yang ditemui berkata, Samy Vellu dalam mesyuarat itu memberitahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluluskan sumbangan kepada mangsa pergaduhan itu.

"Tindakan sedang diambil untuk membuat bayaran, mungkin dalam masa dua minggu kita dapat membuat bayaran.

"Ini satu sumbangan kepada keluarga mangsa. Bagi yang meninggal dunia mungkin keluarganya mendapat sumbangan antara RM10,000 hingga RM15,000, cedera parah RM5,000 dan yang lain RM2,000," katanya.

Veerasinggam yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berkata, keluarga mangsa juga mungkin mendapat sumbangan tambahan.

Beliau berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang membuat kajian termasuk jumlah kerugian ditanggung keluarga terbabit dalam kejadian itu.

"Apabila siap, kita akan kemukakan perkara itu kepada Kementerian Kewangan dan kemungkinan keluarga itu diberikan sumbangan tambahan atas cadangan JKM itu," katanya.

(END)